



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN,
PARAS 6, BLOK B,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2098 6900
Hotline : 03-2096 2754
Fax No. : 03-2094 4501
03-2093 9427
03-2098 3405

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

KP.1574 / 40 / Jld.23 (38)

Tarikh:

21 September 2004

Semua Ketua Jabatan / Bahagian
Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Kementerian Pelajaran Malaysia

Y. Bhg. Datuk / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8 TAHUN 2004

PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN BAGI KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai peraturan dan kadar baru peruntukan khas Kerajaan bagi Kelab-kelab Sosial, Kebajikan dan Sukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan melalui **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2004** bertarikh 27 Julai 2004 bertajuk **Peruntukan Khas Kerajaan Bagi Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan dan Sukan di Jabatan Kerajaan** telah menetapkan peraturan dan kadar baru bagi peruntukan khas Kerajaan kepada kelab-kelab yang melaksanakan aktiviti kebajikan, sosial dan sukan di agensi Kerajaan. Satu salinan Pekeliling berkenaan disertakan bersama-sama ini seperti di **Lampiran A**.

- 2.2 Peruntukan khas ini diadakan bagi mengelak kelab-kelab agensi Kerajaan mendapatkan sumbangan atau tajaan dari sektor swasta di dalam melaksanakan aktiviti kelab masing-masing.

3. PERATURAN

- 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2004 menetapkan bahawa:
- a) kelab kebajikan dan sukan hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan ahli membayar yuran; dan
 - b) sumbangan hanya layak diberikan kepada satu keahlian kelab sahaja.
- 3.2 Mesyuarat Pengurusan KPM yang berlangsung pada 19 Ogos 2004 telah memutuskan bahawa di peringkat Kementerian, Persatuan Sukan dan Kebudayaan Kementerian Pelajaran Malaysia (MESCA) dibenarkan memohon peruntukan khas tersebut. Kelab-kelab di peringkat Bahagian/Jabatan di bawah KPM walaupun telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan tidak layak memohon peruntukan khas ini memandangkan ahli-ahli kelab Bahagian/Jabatan secara automatik menjadi ahli MESCA dan membayar yuran bulanan.
- 3.3 **Kelab-kelab di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) yang mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan mempunyai ahli yang membayar yuran boleh memohon peruntukan khas daripada Kerajaan dengan syarat tiada pertindihan ahli dengan kelab lain di peringkat Bahagian/Jabatan yang juga memohon peruntukan khas.**

- 3.4 Permohonan peruntukan khas daripada Kerajaan oleh kelab-kelab di peringkat Bahagian / Jabatan yang layak hendaklah dibuat melalui **Bahagian Kewangan, KPM** dengan mengemukakan butir-butir lengkap seperti di **Lampiran B**.
- 3.5 Peruntukan khas daripada Kerajaan ini terdiri daripada **'sumbangan asas'** dan **sumbangan 'matching grant'**. Bagi **'sumbangan asas'**, bayaran akan dibuat berdasarkan kepada jumlah ahli yang berdaftar manakala sumbangan **'matching grant'** pula akan diberi berdasarkan bukti bayaran telah dilakukan dan penyata akaun kelab telah diaudit. Contoh pengiraan kadar sumbangan asas dan **'matching grant'** seperti di **Lampiran C**.
- 3.6 Kelab-kelab di Bahagian / Jabatan yang memenuhi syarat-syarat untuk memohon peruntukan khas ini hendaklah memastikan peruntukan telah disediakan di bawah bajet mengurus tahunan Bahagian / Jabatan yang berkenaan.
4. **Semua Ketua Bahagian/Jabatan adalah dikehendaki untuk memastikan kelab-kelab kebajikan dan sukan di Bahagian/Jabatan masing-masing tidak meminta sumbangan atau tajaan daripada sektor swasta di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti masing-masing.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS"

Saya yang menurut perintah,



(MIMI HAJI ISMAIL)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Sk.

KSU

KPPM

TKSU-TKSU

Semua TKPPM

SUSK YB Menteri

SUSK YB Timbalan-Timbalan Menteri

SUSK YB Setiausaha Parlimen

Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Dalam

Setiausaha Agong
Persatuan Kebudayaan dan Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia